

RESOLUSI WACANA KESEJAGATAN UMMAH 2018
6 September 2018 /25 Zulhijjah 1439H

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰءِ آمَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ

وَلَٰكِن كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُم بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿٩٦﴾

Ertinya:

Sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertaqwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (Rasul kami), lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan.

(surah al-A'raf : ayat 96)

Segala puji bagi Allah Subhanahu wa Ta'ala dan selawat dan salam ke atas junjungan besar baginda Nabi Muhammad SAW. Wacana Kesejagatan Ummah 2018 yang telah berlangsung pada hari Khamis 25 Zulhijjah 1439H bersamaan 6 September 2018M, telah mengambil beberapa ketetapan dengan penuh rasa tanggungjawab dan kewajipan sebagai ummah yang telah dimuliakan oleh Allah SWT dengan Islam sebagai satu cara manhaj kehidupan yang mementingkan kebaikan duniawi dan ukhrawi, telah bersetuju dengan penegasan bahawa :

KEMERDEKAAN NEGARA DAN KEBERTANGGUNGJAWAB RAKYAT

1. Kemerdekaan negara merupakan satu nikmat dan amanah yang sepatutnya dihargai dan dipertahankan ke arah kemerdekaan hakiki berdasarkan kepada asas dan prinsip seperti berikut:
 1. Kemerdekaan dari sistem perhambaan sesama manusia kepada perhambaan kepada Allah sebagai pencipta dan pentadbir alam ini.

2. Kemerdekaan dari kesempitan kehidupan dunia kepada keluasan kehidupan akhirat.
 3. Kemerdekaan dari kezaliman agama-agama yang bathil kepada keadilan agama Islam sebagai agama yang haq di sisi Allah SWT.
-
2. Pemerintah dan rakyat perlu sedar dan insaf bahawa pengisian ruang kemerdekaan adalah satu tanggungjawab bersama yang *“berat itu sama dipikul, yang ringan pula biarlah sama dijinjing.”*
 3. Meletakkan keutamaan sudut nilai *ibadat-pahala* dan *maksiat-dosa* yang ditekankan dalam kehidupan beragama sebagai faktor penentu kepada pembinaan negara bangsa ke arah negara Malaysia yang berprestasi tinggi.

RAJA-RAJA MELAYU DAN INSTITUSI AGAMA

4. Mengembalikan peranan Raja sebagai pelindung dan pengemudi agama Islam dalam negara ini sebagai satu sistem kehidupan berbanding tafsiran yang menyempitkan Islam sebagai satu adat semata-mata.
5. Meningkatkan kefahaman rakyat terhadap kepentingan institusi raja agar ia dapat berfungsi dengan berkesan dalam melindungi Islam dan kedudukan bangsa Melayu dan seluruh rakyat Malaysia di negara ini.
6. Meningkatkan kualiti dan intergriti kepimpinan Islam dalam semua sistem urustadbir negara dengan ciri-ciri Islam yang ditonjolkan oleh Rasulullah SAW dan para sahabat merangkumi akhlak, kehidupan yang sederhana dan penghayatan yang tinggi kepada nilai amanah dan berintegriti cemerlang.
7. Semua agensi agama perlu mempromosikan slogan “kesatuan ummah” dengan mengeneipkan isu-isu yang kurang penting berbanding yang lebih penting (Fiqh Awlawiyyat) berdasarkan pertimbangan wahyu dan akal.

8. Memperkukuhkan dan memperkasakan peranan kariah masjid & surau sebagai pusat transformasi ummah dengan mengoptimumkan program-program modal insan pada setiap lapisan umur ahli kariah dengan penggunaan sumber kewangan yang berhemah.
9. Mewujudkan pasukan khas dalam agensi agama yang terdiri dari intelektual Islam yang berwibawa bagi memantau, menjawab dan mempertahankan Islam dari segala dakyah dan propaganda dengan respon yang tepat dan cepat.
10. Membina dan memperkukuhkan jaringan antara agensi Islam dengan NGO's Islam dengan pemerksaan dari sudut kewangan dan bidang kuasa dalam mendaulatkan dan memartabatkan syiar Islam.

LIBERALISME DAN PEMIKIRAN SONGSANG

11. Menolak fahaman Liberalisme yang meletakkan idea kebebasan sebagai satu kepercayaan, falsafah hidup dan gerakan bagi mengantikan agama Islam sebagai agama yang diredhai Allah SWT.
12. Memperkukuhkan peranan pihak berkuasa agama yang berpaksikan fahaman Ahli Sunah Wal Jamaah yang diwakili oleh para alim ulamayang berautoriti.
13. Meningkatkan kefahaman umat Islam berkaitan sejarah perkembangan aliran Liberalisme yang berlatar belakangkan penolakan agama Kristian dan bahaya aliran pemikiran ini melalui pelbagai program seminar, kursus, bengkel dan seumpamanya serta melakukan hebahan dan penerangan melalui pelbagai media terkini bagi menolak aliran ini daripada merebak dan dan merosakkan agama Islam.

LGBT DAN HAK ASASI MANUSIA

14. Isu LGBT perlulah dipandang sebagai satu ancaman yang sangat serius dalam negara ini terhadap agama, sosial dan budaya tanpa meniadakan hak mereka dalam mendapatkan akses dalam agama, pendidikan dan perubatan.
15. Satu program yang lebih komprehensif untuk mendekati golongan LGBT khususnya yang ingin '*pulang ke pangkal jalan*' perlulah dimulakan sebagai usaha mendidik dan menyedarkan mereka.
16. Undang-undang Islam perlulah dijadikan rujukan pada mana-mana undang dan sebarang tuntutan hak yang melibatkan isu LGBT atau hak asasi di negara ini.
17. Satu kajian yang lebih mendalam dan menyeluruh berkaitan LGBT perlu dilakukan oleh pihak kerajaan melalui Intitusi Pengajian Tinggi sebelum golongan ini menjadi lebih dominan.
18. Mengiktiraf peranan dan matlamat yang digagaskan MACSA sebagai gabungan organisasi masyarakat sivil Islam yang telah melakukan usaha melakar naratif hak asasi manusia beracuan Malaysia menurut kerangka Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang syariah, serta memperakui laporan UPR MACSA yang dikemukakan kepada Majlis Hak Asasi Manusia PBB sebagai penzahiran peranan tersebut.
19. Memulakan percambahan Dasar Hak Asasi Manusia Malaysia yang menyanjung tinggi aspirasi hak asasi manusia berdasarkan nilai-nilai agama, budaya dan sejarah negara ini.

Jabatan Mufti Negeri Perak

6 September 2018